



English | Malay | Mandarin | | Español

[LAMAN UTAMA](#)
[TENTANG BERNAMA](#)
[AM](#)
[POLITIK](#)
[EKONOMI](#)
[SUKAN](#)
[RENCANA](#)
[DUNIA](#)
[E-NEWSLETTER](#)
[SENARAI BERITA](#)
[ARKIB BERITA](#)

Breaking News / Berita Tergempar

[Laman Mikro](#) >> [Perbankan & Kewangan](#) • [Auto](#) • [Penerbangan](#) • [Maritim](#) • [Pendidikan](#) • [Hartanah](#) • [Belia](#)

 Berita Who's Who

AM > BERITA

Industri Seni Dan Budaya Berpotensi Jana Pendapatan Lumayan - Muhyiddin



Oleh **Rhoma Ahmad Razali**

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Seni dan budaya merupakan industri yang mempunyai masa depan dan berpotensi menjana pendapatan negara yang lebih tinggi pada masa depan, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, umum mengetahui bahawa Perancis begitu berjaya dalam bidang pelancongan

yang berasaskan seni dan budaya dengan pendapatan mencecah US\$256 bilion setahun menerusi sektor pelancongan.

"Ia memberi manfaat untuk belajar dari Perancis dan bandar raya lain serta negara lain di seluruh dunia tentang bagaimana mereka berjaya membangunkan strategi untuk menggalakkan industri pelancongan dan seni sebagai penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara.

"Bandar raya Paris merupakan satu contoh jelas tentang bagaimana seni dan budaya menjadi tarikan utama pelancong yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang tinggi dan meletakkan bandar raya itu pada kedudukan dalam kalangan lima wilayah terkaya di Eropah," katanya ketika merasmikan Persidangan Ekonomi Seni 2015 dan pelancaran buku 'Rekayasa Kebudayaan' di sini hari ini.

Buku dalam bahasa Malayu diterjemahkan daripada buku bahasa Perancis, 'L'ingenierie Culturelle (Kejuruteraan Kebudayaan) itu dikarang oleh Claude Mollard.

Muhyiddin berkata, di Malaysia, industri kreatif, meliputi seni dan budaya, menyumbang kira-kira RM33 bilion kepada KDNK negara.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, terdapat beberapa universiti, kolej dan institusi pengajian tinggi di negara ini yang menawarkan kursus seni dan reka bentuk, antaranya Universiti Teknologi MARA, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Malaya dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.

Institusi berkenaan, katanya, akan menghasilkan profesional berkualiti tinggi yang akan menyumbang kepada usaha menggalak dan pembangunan industri seni dan budaya pada masa akan datang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Balai Seni Visual Negara, turut memainkan peranan penting dalam menggalakkan seni visual dengan menganjurkan pameran, seminar, bengkel, pertandingan dan aktiviti seni yang bertujuan memupuk kesedaran, kefahaman dan penghargaan terhadap seni dalam kalangan rakyat Malaysia.

Mengenai persidangan itu, Muhyiddin berkata ia akan menjadi platform yang baik bagi pakar dan peserta industri untuk membincangkan dengan lebih terperinci mengenai potensi serta hala tuju industri budaya dan kesenian di Malaysia.

Persidangan dua hari bermula hari ini dianjurkan buat julung kali di negara ini, berjaya menarik kira-kira 200 peserta tempatan dan luar negara.

-- BERNAMA

[>> Senarai Berita](#)

Berita Utama Terdahulu

Najib Saran Komuniti Perniagaan Beri Lebih Tumpuan Kepada Produktiviti, Inovasi

Najib Lancar Skim Mikro Kredit Penjaja Dan Peniaga Kecil Libat Peruntukan RM30 Juta

Dana Bumiputera Al-Ansar Berjumlah RM200 Juta Dilancar

Berita Terkini Lain

Wan Azizah Paling Layak Bertanding PRK Permatang Pauh - Rafizi - [politik](#)

MTN Sasar 50 Syarikat Malaysia Sertai Taman Halal Afrika Selatan - [ekonomi](#)

Lin Dan Idam Gelaran Pertama Terbuka Malaysia - [sukan](#)

Masyarakat Cina Bersedia Untuk Hari Qing Ming - [rencana](#)

Pattani Shaken By Four Bomb Blasts - [dunia](#)

Berita Pilihan Tertinggi

Najib Saran Komuniti Perniagaan Beri Lebih Tumpuan Kepada Produktiviti, Inovasi

30 April Tarikh Akhir Lanjutan Perjanjian Penstrukturan Semula Bekalan Air Selangor

Wan Azizah Paling Layak Bertanding PRK Permatang Pauh - Rafizi

**Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).**

[Laman Utama](#) | [Sitemap](#) | [Hubungi Kami](#) | [Am](#) | [Politik](#) | [Ekonomi](#) | [Sukan](#) | [Rencana](#) | [Dunia](#) | [Senarai Berita](#) | [Arkib Berita](#) | [Suapan RSS](#)

© 2015 BERNAMA. Semua Hak Cipta Terpelihara. Penafian | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan
Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.
Paparan terbaik menggunakan Firefox 35.0.1 & Internet Explorer 8.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel

Hubungi kami 03-26939933 | Emel helpdesk@bernama.com

  KEMENTERIAN KOMUNIKASI BERSEKUTUAN MALAYSIA	  Certificate No KLR 0403537
--	--